



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU PENA & PICAGARI

Buku *Pena dan Picagari* ditulis oleh seorang pegawai perubatan yang kini berkhidmat di Hospital Jengka, Dr. Khairul Hafidz. Selain sibuk dengan tugas merawat pesakit, beliau juga begitu semangat menjalankan misi perang melawan mitos. Melalui akaun Twitter, beliau mengasaskan MedTweet.My yang menjadi platform dalam mendidik masyarakat tentang fakta perubatan dan hingga kini mempunyai pengikut sebanyak 94.5k.

Cara beliau menyedarkan masyarakat melalui *tweet* menjadi tular di media sosial dan mendapat perhatian ramai. Melihat peluang ini, Puteh Press menyahut inisiatif beliau dengan menerbitkan buku *Pena dan Picagari*.

Ternyata doktor hari ini bukan hanya memerlukan picagari bagi mengubat pesakit, mereka juga memerlukan pena. Dengan pena, doktor dapat mengubati penyakit kejihilan dan hati. Ini kerana rata-rata masyarakat hari ini lebih percaya dengan info yang disebarluaskan melalui Internet. Sedangkan info tidak semuanya betul. Kita perlu tahu bezakan antara info dan ilmu.

Justeru, buku *Pena dan Picagari* ini hadir dengan himpunan melawan mitos, suka dan duka seorang doktor, dan pelbagai warna cerita kepercayaan masyarakat di Malaysia. Pelbagai kes dibincangkan sepanjang 240 halaman buku ini. Antara kes dan kepercayaan yang dibetulkan dengan fakta perubatan adalah *Mitos Mandi Malam*, *DNA dan Lembu*, *KoolFever Penyebab Cerebral Palsy?*, *Mitos Haid*, dan *Air Tulang Belakang: Mitos Lumpuh*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my